



# 'Port' remaja tarik ganja, gam

## Geng melepak di sekitar Bukit Bintang cetuskan kebimbangan masyarakat

>>oleh Mohd Harzrul Aminuddin  
harzrul@hmetro.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kehadiran kumpulan remaja lelaki dan perempuan menjadikan kawasan sekitar Bukit Bintang di sini sebagai tempat berpelesenan dan melepak menimbulkan keresahan orang ramai.

Selain melepak, mereka yang dipercayai berusia 14 hingga 18 tahun serta sesetengahnya pelajar sekolah dipercayai terbabit dengan kegiatan menghidu gam dan menghisap ganja.

Kawasan tersembunyi di sekitar pusat beli-belah terkemuka, mahupun jambatan sekitar turut dijadikan lokasi melakukan kegiatan tidak bermoral itu termasuklah mabuk.

Berikutan itu, orang ramai mahu pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera terhadap kumpulan remaja terbabit kerana kebimbangan mereka mencecah mata masalah sosial dan tingkernya yang menjolok mata serta pergaulan bebas.

Pengunjung Zulkifli Awang, 58, berkata lebih



**BEBAS**  
...remaja lelaki dan perempuan dipercayai bawah umur melepak di sekitar Bukit Bintang.

menyedihkan kebanyakan remaja terbabit berbangsa Melayu dan ada antaranya di bawah umur yang sepatutnya dalam kawalan ibu bapa.

Katanya, kegiatan mereka berlaku setiap hari,

malah jumlah itu akan bertambah lebih ramai terutama pada hari cuti hujung minggu.

"Waktu siang remaja terbabit melepak di hadapan kompleks beli-belah sambil membuat ke-

coh sehinggakan ada yang bergaduh.

"Remaja terbabit khususnya remaja perempuan juga tidak malu untuk menghisap rokok dan ada yang berpelukan dengan pasangan masing-ma-

sing," katanya kepada Metroplus ketika ditemui, baru-baru ini.

Pengunjung lain, Khattijah Ahmad, 45, berkata kehadiran kumpulan remaja terbabit dikesan sejak beberapa tahun lalu dan kawasan ini dipercayai 'port' mereka khususnya pada hari cuti mahupun waktu persekolahan.

"Sudah sampai masanya pihak berkenaan serta masyarakat tampil menyelesaikan masalah sosial remaja itu dan dipercayai ada di antara mereka lari dari rumah dan terbabit dengan pelbagai kegiatan tidak bermoral lain," katanya.

Mengulas isu itu, Pegawai Perhubungan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Anwar Mohd Zain, berkata masalah berkenaan di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan polis.

Bagaimanapun, jika pihaknya menerima laporan remaja berkenaan melepak di kawasan membabitkan premis di bawah bidang kuasa DBKL, anggota penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) itu boleh mengambil tindakan.